

Kerajaan mungkin ambil tindakan ke atas

Bunyamin

BH 30 JUL 2002

KUALA LUMPUR. Isnin - Kerajaan mungkin mengambil tindakan undang-undang terhadap Pegawai Penerangan Pas Kelantan, Bunyamin Yaakob, yang mendakwa Perdana Menteri menonton video lucu bersama cucunya di kediamannya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata tuduhan terlalu berat dan tidak berasas serta lebih kepada serangan peribadi terhadap pemimpin kerajaan terutama dalam usaha memburukkan imej Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tindakan itu (undang-undang) boleh dibuat tetapi bergantung kepada pihak berkuasa untuk menentukannya dan untuk lebih berkesan dia perlu dihadapkan ke mahkamah.

"Mereka (pemimpin Pas) kehabisan modal untuk berceramah dan kononnya mereka harap dengan cara itu akan dapat mempengaruhi pengikutnya," katanya.

Sepatutnya, kata Najib pemimpin pembangkang berusaha mengetengahkan idea, dasar serta apa yang mereka ingin lakukan jika memerintah, bukannya menyerang peribadi pemimpin kerajaan.

"Ia tidak sepatutnya berlaku dan ini menunjukkan mereka mengamalkan politik yang tidak beretika. Memang sukar untuk menyangkal mereka daripada melakukan perkara yang sama, tetapi paling penting rakyat mampu menilai dan menolak tanggapan mereka. Jangan ingat rakyat mudah terpengaruh," katanya di Kementerian Pertahanan di sini, hari ini.

Di KUALA NERANG, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, Datuk Badruddin Amiruddin, menyokong langkah RTM menyiarkan rakaman ucapan beberapa pemimpin Pas yang menaburkan fitnah terhadap pemimpin kerajaan pada ceramah mereka.

Malah, beliau berharap, RTM dapat terus menayangkan ucapan seperti itu agar rakyat yang fanatik dan taksub kepada pemimpin parti pembangkang berkenaan, menilai sendiri pendirian mereka selama ini.

"Menerusi tayangan itu, mereka dapat melihat sendiri sama ada kelakuan pemimpin yang mereka sanjung itu mencerminkan sikap pemimpin Islam yang sebenar," katanya selepas Sambutan Hari dan Minggu Pengguna Malaysia Peringkat Kedah 2002 di Kolej Mara Kuala Nerang di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas tayangan ucapan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat menerusi RTM, baru-baru ini, yang mengatakan Tuhan itu samseng, angkuh dan sombong.